

ALLAMA MUHAMMAD IQBAL

TEORI PERSONALITI DAN PEMBINAAN EGO

[Khudi]



MOHD ABBAS ABDUL RAZAK
SHAIK ABDULLAH HASSAN MYDIN

ALLAMA MUHAMMAD IQBAL

TEORI PERSONALITI DAN PEMBINAAN EGO

[Khudi]

Allama Muhammad Iqbal, seorang cendekiawan yang muncul selepas kejatuhan Empayar Mughal, telah menyaksikan kesan penjajahan Eropah terhadap dunia Islam. Perasaan kalah dan hilang kedaulatan ketika itu melemahkan semangat umat Islam untuk menjalani kehidupan yang dinamik. Keadaan ini menjadi lebih parah dengan kewujudan segelintir sufi yang menekankan pengasingan diri dan sikap pasif terhadap kehidupan duniawi.

Melihat kemerosotan semangat untuk terlibat secara aktif dalam urusan sosial dan politik, Iqbal memperkenalkan aliran pemikiran baharu, iaitu falsafah ego dan teori personaliti. Pendekatan ini menggabungkan idea daripada al-Quran, sunah, hikmah ulama silam serta unsur positif pemikiran Barat yang selari dengan ajaran Islam. Sejak permulaan perjalanan intelektualnya hingga ke akhir hayat, Iqbal tetap komited dalam membangkitkan semula semangat umat Islam yang semakin pudar, menyeru mereka agar kembali hidup di bawah bimbingan al-Quran dan suri teladan Nabi Muhammad SAW. Walaupun dunia Islam kini tidak lagi berada di bawah penjajahan Barat secara langsung, peristiwa-peristiwa semasa membuktikan bahawa gagasan Iqbal masih relevan hingga kini.

ISBN 978-629-460-070-6



9 786294 600706

RM39.00/USD10.00/GBP8.00



USM
UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



PENERBIT
USM

PENERBIT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Allama Muhammad Iqbal

Teori Personaliti dan Pembinaan Ego

(Khudi)

Mohd Abbas Abdul Razak
Shaik Abdullah Hassan Mydin



PENERBIT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG

Beli di **www.emdash.my**

- 🌐 www.penerbit.usm.my
- ✉ penerbit@usm.my
- 📘 PenerbitUSM
- ✖ PenerbitUSM
- 📱 penerbit_usm

© Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2026



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-460-070-6

Muka taip teks: Lora

Editor Naskhah: Nurul Asyqin Kamarun Baharen
Pereka Bentuk Kulit Buku: Intan Suhaila Kassim
Pembaca Pruf: Noor Sheela Suratman
Pengatur Huruf: Hanis Syafenaz Azmi

Diterbitkan oleh Penerbit Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia.
Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).

Dicetak oleh Sinaran Bros Sdn. Bhd., 5-3-18, The Promenade, Persiaran Mahsuri, 11950,
Bayan Baru, Pulau Pinang, Malaysia.

Sekalung Bunga di atas Pusaramu

Iqbal! Oh, sang penyair Islam. Telah kau buat menjadi terang tujuan-tujuannya. Kau jelaskan keutamaan-keutamaannya. Kau nyalakan pelitanya dan kau per jelaskan uslubnya. Kaum Muslimin pun kau seru pada kebesaran yang sebanding dengan seruan mereka. Seiring dengan hukum-hukum mereka dan sesuai dengan sejarah mereka.

Iqbal! Oh, penyair Timur. Kau teguhkan khazanahnya. Kau bangga dengan kerohaniannya. Pada Barat yang materialistik pekak, sombong dan pencemburu, serta pada pemimpinnya, kau sampaikan kritikanmu. Kau bongkar kekeliruan para tokohnya. Kau luruskan kekeliruan mereka. Daya tarik mereka pun kau hancurkan pula. Mereka kau letakkan pada pengadilan yang adil dan kau tegakkan kelebihan dan kekurangan mereka, serta kebaikan yang telah mereka lakukan dan kejelekan yang telah mereka jalankan.

Iqbal! Oh, penyair kehidupan. Kau perkenalkan makna-maknanya dan kau singkapkan kekuatannya. Kau tunjukkan perjalanan hidup dan tujuannya dan kau per jelaskan menara dan cahayanya.

Iqbal! Oh, penyair jiwa. Kau per jelaskan kandungan dan rahsiannya. Kau tegakkan daya tarik yang terkandung dalam Khudi (ego manusia) dengan kekuatan api mahupun cahayanya. Kau serukan untuk membangkitkan tambang-tambanganya (lombong-lombongnya) dan menggali kandungan-kandungannya.

Iqbal! Oh, penyair *Bekhudi* (prinsip mengutamakan orang lain). Kau jelaskan cara untuk mengutamakan kepentingan orang lain dan cara seorang individu bergabung dalam kelompok masyarakatnya.

Iqbal! Oh, penyair kebebasan. Kau selalu menyebut dan mengagungkan kebebasan. Seruanmu kepada kebebasan demikian sarat dan huraianmu mengenai kebebasan demikian tuntas. Kau benci perbudakan (penghambaan) dalam semua manifestasi dan bentuknya.

Iqbal! Oh, penyair perjuangan. Dengan sikap teguh dan usaha gigih, kau nyatakan bahawa hidup ini ialah perjuangan yang berterusan, tidak pernah padam. Kehidupan adalah dalam gelombang yang besar dan kematian adalah dalam ketenangan pantai.

Iqbal! Oh, penyair pembaharuan dan kemajuan. Kau katakan kehidupan selalu memperbaharui diri dan benci pengulangan dan selalu maju dan pantang menyerah. Manusia kau seru agar selalu melangkah maju dalam kehidupan. Setiap masa mempunyai idea dan setiap saat mempunyai melodi. Kau huraikan bahawa kemajuan dan kreativiti merupakan dua hal yang membezakan antara seorang hamba dengan orang yang merdeka.

Iqbal! Oh, penyair keindahan. Kau lukiskan keindahan di bumi dan di langit kala fajar dan senja. Pada kejelasan cahaya dan kegelapan. Kau lukiskan keindahan pada semua makhluk yang mulia dan jalan yang lurus.

Iqbal! Oh, penyair keagungan. Kau perjelaskan keagungan Sang Pencipta kepada makhluk-Nya. Dalam cita-cita yang tinggi, serta keteguhan yang pantang menyerah, tersirat harapan yang besar dan tujuan yang luhur.

Iqbal! Oh, penyair yang berbakat. Pandanganmu melampaui rahsia-rahsia dan menembus hal-hal ghaib yang terlihat olehmu. Hal yang zahir dan yang batin. Kau pun memahami masa depan bagaikan pemahamanmu tentang masa kini.

Iqbal! Oh, penyair Islam, penyair Timur, penyair kehidupan, penyair kemanusiaan, penyair kebebasan, penyair perjuangan, penyair kemajuan dan pengorbanan, penyair keindahan dan keagungan, telah kusambut dirimu di negeri yang jauh dari sini. Selalu kusebut namamu. Aku tahu kedudukanmu dan telah kuhadiahkan *al-Lam'at* untukmu sebagai jawapan untuk dua puisimu, *Asrar-i-Khudi* dan *Rumuz-i-Bekhudi*.

Kini ... aku berada di sampingmu untuk memperingati diri dan kebesaranmu. Dekat atau jauh adalah sama. Cita-citaku antara lain adalah untuk mengunjungi makammu.

Kini ... merupakan satu penghormatan bagiku untuk menyampaikan kalimat-kalimat ini di hadapanmu, dan meletakkan bunga ini di atas pusaramu:

Seorang Arab nan bangga dengan tamanmu menghadihkan sekuntum bunga kepadamu. Kata-kata ringkas dari dunia Islam yang padanya termeterai suasana turunnya ayat-ayat al-Quran yang mewarnai mukjizatnya. Terimalah hadiah kecil yang kubawa untukmu sebagai 'Armagha-i-Hijaz' (Hadiah daripada Hijaz).

Khazanahmu ... di dunia ini telah terpadu menjadi satu dengan keabadian pada Allah-lah ... imbalan bagimu akhirat.

Imbalan ... untuk para mujahid yang tulus.

Dan orang-orang yang berjihad untuk (mencari keredaan) Kami, benar-benar akan Kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah benar-benar berserta orang-orang berbuat baik.

(al-Ankabut: 69)

Sumber: Diadaptasikan ke dalam bahasa Melayu daripada 'Abdul Wahhab Azzam (1985), *Siratuh Wa Falsafatuh Wa Syi'ruh* (Filsafat dan Puisi Iqbal) (hlm. 8-10), Pustaka, Bandung.

Kandungan

Prakata	xiii
Penghargaan	xvii
BAB 1 Dunia Islam pada Zaman Iqbal	1
Konsep Khudi dalam Konteks Pemikiran Iqbal	1
Penjajahan Dunia Islam	4
Pengaruh falsafah Panteisme	5
Penolakan doktrin <i>Wahdah al-Wujud</i>	6
Tanggungjawab Manusia Sebagai Khalifah	7
Perjuangan Iqbal dan al-Ghazali dalam Reformasi Pemikiran Islam	7
Kajian Personaliti Sebelum Zaman Iqbal	8
BAB 2 Riwayat Hidup Iqbal	11
Perkembangan Akademik dan Sumbangan Awal	12
Perubahan Pemikiran dan Kesedaran Reformasi	13
Peranan Intelektual dan Politik Iqbal dalam Pembinaan Tamadun Islam	15
Keterlibatan politik dan gagasan Pakistan	15
Pembaharuan pendidikan dunia Islam	17
Puisi sebagai medium reformasi pemikiran	17
Kematian Iqbal dan Penubuhan Pakistan	19
BAB 3 Pola Pemikiran Iqbal	22
Pengaruh Tokoh-tokoh Falsafah Ego	23
Penolakan Falsafah Idealisme Plato	24
Kritikan Terhadap <i>Wahdah al-Wujud</i> dan Tokoh Sufi	26

BAB 4 Falsafah Iqbal	28
Islam dan Pendekatan Eklektik	29
Penggabungan Idea Barat dan Islam dalam Pemikiran Iqbal	30
Pengaruh falsafah al-Rumi	31
Pengaruh falsafah Goethe	33
Pengaruh falsafah Nietzsche	34
Perbandingan Konsep Henri Bergson	35
Kritikan Terhadap Ajaran Tasawuf Pasif	36
Faktor-faktor Lain Kemunduran Umat Islam	40
Kritikan Terhadap Socrates dan Plato	41
Penegasan Dinamisme dan Kehidupan yang Progresif	44
Karya-karya puisi sebagai medium reformasi	44
Penyesuaian ajaran Islam dengan perkembangan sains	45
BAB 5 Konsep Manusia	47
Hubungan Jiwa dan Jasad	51
Keseimbangan Usaha dan Tawakal	51
Kritikan Terhadap Ketidakseimbangan Timur dan Barat	54
Manusia dan Alam	55
BAB 6 Personaliti Manusia	58
Falsafah Khudi: Konsep Ego dalam Pemikiran Iqbal	58
Prinsip-prinsip Asas Falsafah Ego	63
Asal usul ego	63
Kitaran kehidupan di dunia	64
Penghakiman ego pada hari kiamat	64
Keabadian Ego dan Tindakan Pemeliharaan	65
Konsep-konsep Ego Manusia	66
Pendidikan dan Pembangunan Personaliti	70
Kritikan terhadap pembelajaran berasaskan hafalan	71
Pendidikan menyeluruh dan tanggungjawab khalifah	71
BAB 7 Elemen yang Mengukuhkan Personaliti	73
Cinta dan Kasih Sayang	73
<i>Faqr</i>	76
Keberanian	77
Toleransi	78
<i>Kasb-i-Halal</i>	79
Aktiviti Kreatif dan Asli	79

Prakata

Usaha penulisan tentang Allama Muhammad Iqbal (1877–1938) ini merupakan hasil penyelidikan tentang seorang tokoh pemikir Muslim prolifik yang ingin diketengahkan untuk bacaan orang awam dan ahli akademik. Karya ini merupakan satu ikhtiar murni ke arah memahami latar belakang pujangga Iqbal dan idea-idea utama beliau tentang manusia dan pembangunan personaliti. Iqbal bukan sekadar membongkar rahsia manusia, malah membetulkan fahaman yang salah tentang tujuan kehidupan sebenar manusia yang kaya dengan nilai-nilai unggul.

Iqbal merupakan seorang pemikir Islam terkemuka yang muncul pada awal abad ke-20. Sebagai seorang ilmuwan dan pemimpin yang serba boleh, beliau mempunyai penguasaan dalam pelbagai disiplin ilmu seperti falsafah, puisi, sejarah, tamadun, politik, pendidikan, undang-undang dan mistisisme. Peristiwa yang berlaku pada zamannya mencabar beliau untuk mengutarakan sebuah falsafah baharu demi kelangsungan hidup umat Islam. Semua idea beliau yang dikongsi melalui puisi dan falsafahnya berpaksi pada dua sumber utama Islam, iaitu al-Quran dan sunah Rasulullah SAW. Puisi dan falsafah ialah dua alat yang digunakan untuk menyampaikan ideanya kepada ahli akademik dan orang awam. Bagi sebahagian besar penduduk di benua kecil India, Iqbal terkenal dengan puisi mistik yang menyegarkan. Pada zaman Iqbal, sudah menjadi kebiasaan orang ramai menghabiskan masa lapang dengan membaca dan mendengar puisi melalui media.

Walaupun idea-idea Iqbal mendapat kritikan daripada segolongan sufi pada zamannya sejak era moden sehingga kini, pada umumnya idea-idea beliau diterima baik oleh umat Islam daripada semua golongan mazhab dan denominasi dalam Islam. Ramai yang masih belum mengetahui bahawa Iqbal adalah antara personaliti Muslim yang paling banyak diteliti selepas Rasulullah SAW. Dakwaan yang dibuat oleh sesetengah ilmuwan bahawa idea Iqbal tidak lagi relevan dalam dunia moden adalah tidak benar. Dalam menganalisis

masalah dalam dunia Islam, para penyelidik mendapati bahawa walaupun semua negara Islam telah bebas daripada cengkaman penjajahan Barat, mereka tidak bergerak jauh daripada masalah yang diketengahkan oleh Iqbal.

Sebagai seorang cendekiawan dan pemimpin yang berwawasan, Iqbal menentang sekeras-kerasnya falsafah penyangkalan diri, kepercayaan karut, cara berfikir fatalistik, mentaliti hamba, peniruan buta terhadap Barat, pseudo-mistisisme dan kepercayaan lain yang berleluasa dalam kalangan masyarakat Islam pada zamannya. Untuk membetulkan keadaan, Iqbal mengembangkan dan memperkenalkan falsafah egonya yang tersendiri. Falsafah baharu yang dinamakan 'Khudi' ini menyeru kepada pengukuhan personaliti manusia. Iqbal yakin bahawa melalui falsafah tersebut, umat Islam di benua kecil India dan di seluruh dunia akan dapat memulihkan maruah, kebanggaan dan kemasyhuran yang hilang pada masa lalu, iaitu semasa Zaman Keemasan Islam (750-1258).

Selain menyelami hakikat manusia secara mendalam, Iqbal juga menegaskan bahawa martabat umat Islam terletak pada penghayatan agama dan pembangunan sahsiah. Dalam hal ini, Iqbal menjadikan al-Quran dan Nabi Muhammad SAW sebagai rujukan utama dalam mencungkil bakat dan potensi manusia. Satu perkara penting yang perlu ditegaskan ialah hakikat bahawa Iqbal tidak menolak pemikiran Barat secara bulat-bulat tetapi menganalisis kekuatan dan kelemahan dunia Barat moden dalam memahami manusia dan personaliti diri.

Iqbal bukan hanya mengkritik tetapi juga berusaha sedaya upaya untuk menjelaskan secara ikhlas kepada masyarakat Barat moden bahawa sikap memisahkan agama daripada kehidupan manusia adalah satu kesilapan besar dalam memahami agama dari perspektif penciptaan alam semesta. Bagi Iqbal, agama amat penting untuk memahami hakikat manusia yang sebenar-benarnya, dan pemahaman tersebut dapat mengangkat martabat manusia dan menyelamatkan seseorang daripada kesusahan dan tragedi.

Oleh yang demikian, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa pemikiran Iqbal bukan sahaja membantu menyelamatkan masyarakat Islam di Timur, tetapi juga menyelamatkan umat manusia di Barat. Pendekatan harmoni yang diperkenalkan oleh Iqbal, yang menekankan keperluan insan terhadap panduan agama dalam menjalani kehidupan di samping proaktif memanfaatkan keupayaan empirikal, mampu melahirkan individu dan masyarakat yang bergerak ke arah pembinaan tamadun yang sejahtera secara menyeluruh.

Penyelidikan tentang karya Iqbal menunjukkan bahawa beliau bukan sahaja seorang tokoh popular yang dikenali di dunia Islam, malah turut disegani di dunia Barat sebagai seorang pemikir dan ahli falsafah. Beliau juga merupakan

seorang penyair yang kritis dalam menganalisis permasalahan masyarakat global secara adil serta melontarkan idea-idea bernas bagi mengatasi penyakit spiritual manusia yang semakin kronik.

Dalam konteks Iqbal, beliau dilihat sebagai seorang 'pembaharu' yang menyeru kepada pengamalan semangat dan dinamik sebenar yang terdapat dalam al-Quran dan sunah terhadap semua falsafah penafian diri dan tasawuf semu. Melalui karya sederhana ini, perbincangan difokuskan kepada kehidupan dan pekerjaan Iqbal, keadaan umat Islam pada zamannya, falsafah Khudi, potensi tersembunyi dalam ego manusia, cara ego harus berinteraksi dengan Tuhan, alam dan ego kolektif masyarakat, unsur-unsur yang boleh menguatkan dan melemahkan ego, serta masyarakat yang ideal untuk pertumbuhan ego.

Akhir sekali, penerbitan buku ini merupakan satu usaha bercita-cita tinggi untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar di Malaysia dan rantau Nusantara mengenai falsafah dan idea-idea Iqbal tentang cara untuk mengembalikan kegemilangan dan kemasyhuran umat Islam yang telah hilang.

Mohd Abbas Abdul Razak & Shaik Abdullah Hassan Mydin

Januari 2026

Penghargaan

Pertama sekali, kami merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan rahmat-Nya yang tidak terhingga sehingga memungkinkan penyiapan projek penulisan buku ini.

Kami berasa bangga untuk menyatakan bahawa buku ini merupakan hasil usaha penyelidikan bersama antara Universiti Sains Malaysia (USM) dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Sebelum usaha ini dijalankan, pasukan kami telah bersama-sama menerbitkan beberapa artikel penyelidikan, dan penerbitan buku ini menandakan satu lagi pencapaian penting dalam jalinan kerjasama akademik kami.

Projek ini tidak mungkin dapat direalisasikan tanpa sokongan dan sumbangan berharga daripada pelbagai individu dan institusi. Antaranya ialah Penerbit USM, yang telah menunjukkan minat yang mendalam untuk menerbitkan pandangan falsafah Allama Muhammad Iqbal. Kami amat berterima kasih atas komitmen mereka terhadap pengembangan wacana intelektual dan keilmuan.


Kami juga ingin merakamkan penghargaan yang setulusnya kepada Cik Nurul Asyqin Kamarun Baharen serta pasukan editorialnya atas kerja penyuntingan dan semakan rujukan manuskrip yang begitu teliti. Keprofesionalan dan dedikasi beliau telah banyak meningkatkan mutu karya ini. Tanpa kepakaran beliau, manuskrip ini tidak mungkin mencapai tahap kualiti seperti yang ada pada hari ini. Kami dengan tulus mendoakan agar Allah SWT mengurniakan ganjaran yang sebesar-besarnya kepadanya, amin.

Ucapan terima kasih khusus juga ditujukan kepada Nik Nur Madihah, seorang penulis, pemblog dan pelajar pascasiswazah di Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa, UIAM, atas bantuan beliau dalam memasukkan

teks al-Quran dan memilih terjemahan yang paling sesuai bagi ayat-ayat al-Quran yang dirujuk dalam buku ini. Semoga Allah SWT memberkati beliau atas kemurahan hati dan kesediaannya untuk menyumbang.

Kami menyedari bahawa buku ini mempunyai keterbatasan dalam menggambarkan keseluruhan kedalaman falsafah Khudi Iqbal dan konsep keperibadiannya. Namun demikian, kami telah berusaha sedaya upaya untuk menghasilkan yang terbaik. Kami berharap sumbangan kecil ini akan menjadi langkah bermakna ke arah pemahaman yang lebih mendalam terhadap pandangan falsafah Iqbal. Kami juga optimis bahawa karya ini akan mendorong kajian lanjutan oleh sarjana Melayu yang lain, khususnya di Malaysia.

Akhir sekali, kami amat mengalu-alukan sebarang maklum balas yang membina daripada para pembaca. Pandangan dan kritikan bernas anda amat penting untuk mengembangkan lagi wacana ini pada masa hadapan.



Bab 1

Dunia Islam pada Zaman Iqbal

Muhammad Iqbal (1877–1938) merupakan salah seorang ulama yang bercakap dan menulis tentang pembangunan sahsiah dalam dunia Islam. Sebagai seorang ilmuwan Islam yang berasal dari benua kecil India, beliau ialah seorang pemikir, peguam, ahli falsafah, penyair, sufi dan pembaharu agama (mujaddid) yang hebat pada abad ke-20. Latar belakang Islamnya yang kukuh, pengembaraan dan perkenalan beliau dengan sarjana-sarjana Barat telah memberikan dorongan kepada beliau untuk merumuskan falsafah baharu yang dikenali sebagai falsafah ego. Dalam mengutarakan idea tentang pembangunan sahsiah manusia, Iqbal lebih gemar menggunakan istilah Khudi yang dipinjam daripada kosa kata Parsi.

Konsep Khudi dalam Konteks Pemikiran Iqbal

Walaupun Khudi dalam bahasa Parsi biasa dan kesusasteraan Urdu bermaksud keangkuhan, kesombongan, keegoan atau mementingkan diri sendiri, Iqbal yang menerokai jalan mentor dan pembimbing rohaninya, Maulana Jalaluddin al-Rumi (1207–1273), seorang ulama sufi pada abad ke-13, memberikan makna yang berbeza padanya. Bagi al-Rumi dan Iqbal, perkataan Khudi ialah perbendaharaan kata yang menggambarkan kewujudan terdalam seseorang, atau dikenali sebagai diri, keperibadian, ego, keakuan atau keindividuan (Schimmel, 1998).

Untuk mengelakkan salah tafsir perkataan Khudi oleh umat Islam pada zamannya, Iqbal telah memberikan beberapa huraian dalam pengenalan kepada *The Secrets of The Self (Asrar-i-Khudi)* (1983), *Bal-i-Gibril (Gabriel's*

ALLAMA MUHAMMAD IQBAL

TEORI PERSONALITI DAN PEMBINAAN EGO

[Khudi]

Allama Muhammad Iqbal, seorang cendekiawan yang muncul selepas kejatuhan Empayar Mughal, telah menyaksikan kesan penjajahan Eropah terhadap dunia Islam. Perasaan kalah dan hilang kedaulatan ketika itu melemahkan semangat umat Islam untuk menjalani kehidupan yang dinamik. Keadaan ini menjadi lebih parah dengan kewujudan segelintir sufi yang menekankan pengasingan diri dan sikap pasif terhadap kehidupan duniawi.

Melihat kemerosotan semangat untuk terlibat secara aktif dalam urusan sosial dan politik, Iqbal memperkenalkan aliran pemikiran baharu, iaitu falsafah ego dan teori personaliti. Pendekatan ini menggabungkan idea daripada al-Quran, sunah, hikmah ulama silam serta unsur positif pemikiran Barat yang selari dengan ajaran Islam. Sejak permulaan perjalanan intelektualnya hingga ke akhir hayat, Iqbal tetap komited dalam membangkitkan semula semangat umat Islam yang semakin pudar, menyeru mereka agar kembali hidup di bawah bimbingan al-Quran dan suri teladan Nabi Muhammad SAW. Walaupun dunia Islam kini tidak lagi berada di bawah penjajahan Barat secara langsung, peristiwa-peristiwa semasa membuktikan bahawa gagasan Iqbal masih relevan hingga kini.

ISBN 978-629-460-070-6



9 786294 600706

RM39.00/USD10.00/GBP8.00



USM

UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



PENERBIT
USM

PENERBIT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA